

14.

SOALAN NO. 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. WAN
AZIZAH WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 21 MAC 2018

SOALAN :

YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah maklum balas dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan berikutan desakan daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS) berhubung permintaan kenaikan gaji penjawat awam dalam menghadapi keadaan ekonomi ketika ini dan perbanyakkan perumahan penjawat awam pada kadar RM90,000 hingga RM150,000.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan penjawat awam dalam menangani kos sara hidup. Cadangan dan input daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) sentiasa diambilkira. Mengenai isu penambahbaikan gaji penjawat awam, bagi tempoh 2012 hingga 2016, Kerajaan telah melaksanakan lapan (8) kali urusan penambahbaikan gaji yang merangkumi;

- a. Pemberian kenaikan gaji sebanyak tujuh (7) hingga 13 peratus pada tahun 2012. Selanjutnya dua (2) lagi Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada tahun 2013 dan 2016 sebagai faedah pemindahan gaji;
- b. Penambahbaikan kepada Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) sebanyak 3 kali. Pada 1 Januari 2013, Kerajaan telah menguatkuasakan penambahan sebanyak 3 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada gaji maksimum diikuti dengan 2 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada gaji maksimum berkuat kuasa pada 1 November 2013. Pada tahun 2016, Kerajaan juga telah menambah 4 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada gaji maksimum kepada semua penjawat awam. Pada tahun 2016 juga, Kerajaan telah menetapkan gaji minimum kepada RM1,200 yang telah memberi faedah yang besar kepada golongan Kumpulan Pelaksana; dan

- c. Pergerakan Gaji Tahunan yang ditambah baik dengan memperuntukkan satu kadar kenaikan gaji berasaskan kadar tetap 3% kepada semua penjawat awam yang berada di tangga gaji maksimum mulai tahun 2015 untuk terus menikmati kenaikan gaji tahunan.

Pada tahun 2012, Kerajaan telah menaikkan kadar Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM50 bagi kawasan B termasuk Batu Pahat, Kulim, Langkawi, Alor Gajah, Ipoh dan Kuantan. Kadar BSH selepas kenaikan adalah sebanyak RM250.00 bagi Kawasan B. Manakala kadar bagi Kawasan A termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya, Pulau Pinang, Shah Alam dan Johor Bharu adalah pada kadar RM300.00. Kerajaan juga telah menaikkan kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) bagi Kumpulan Pelaksana sebanyak RM120 iaitu daripada RM180 kepada RM300 sebulan dalam menangani kos sara hidup.

Bagi membantu penjawat awam memiliki rumah sendiri, Kerajaan telah memperkenalkan program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Sejak diperkenalkan pada tahun 2013, seramai 23,342 penjawat awam telah menerima tawaran untuk membeli rumah di bawah program PPA1M. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,037 unit berada di lingkungan kos RM 90,000 sehingga RM 150,000. Harga maksimum bagi rumah PPA1M adalah sebanyak RM 300,000.00

Kerajaan juga telah menyediakan bantuan kepada penjawat awam untuk membeli rumah PPA1M menerusi pembiayaan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Pihak LPPSA melalui pekelliling LPPSA Bilangan 1 Tahun 2016 berkaitan Skim Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, menyatakan bahawa Anggota Perkhidmatan Awam, Polis dan Tentera layak mendapatkan kemudahan pinjaman perumahan yang disediakan oleh

Kerajaan di bawah Skim Pembiayaan Perumahan Sektor Awam walaupun potongan daripada gaji bulanan mereka telah melebihi 60% untuk tujuan pembelian rumah. Kelonggaran ini telah memberi peluang khususnya kepada kumpulan pelaksana untuk memiliki rumah.

Sekian, terima kasih.